



**KENYATAAN MEDIA
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN
KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

1. **Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020** dibentangkan di Dewan Rakyat pada hari ini, 28 Oktober 2021. Ia merupakan pembentangan kedua di Dewan Rakyat pada tahun 2021 selepas LKAN Tahun 2019 Siri 2 yang dibentangkan pada 28 September 2021.
2. Jabatan Audit Negara (JAN) telah menambah baik persembahan LKAN bermula LKAN Tahun 2019 Siri 2 dengan menyediakan Ringkasan Penemuan Audit secara infografik bagi merumuskan hasil pengauditan secara keseluruhannya. Persembahan secara infografik diharap dapat membantu pembaca mendapatkan maklumat penting hasil daripada pengauditan yang dijalankan secara cepat dan tepat.
3. Pada hari pembentangan, JAN juga memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama penemuan Audit yang dibangkitkan dalam

laporan tersebut kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.

4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi tiga komponen utama seperti berikut:
 - (i) Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020
 - (ii) Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan
 - (iii) Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan

4.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan **satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan** bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Bagaimanapun, Sijil Ketua Audit Negara mengandungi Penegasan Perkara dan Hal-hal Lain seperti berikut:

4.1.1. Dalam perenggan **Penegasan Perkara** (Emphasis of Matter), Ketua Audit Negara (KAN) menarik perhatian terhadap perkara seperti berikut:

- a. pada tahun 2020, hutang Kerajaan Persekutuan ialah RM879.560 bilion (62.1% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar). Pinjaman baharu pada tahun 2020 ialah RM194.555 bilion. Daripada jumlah ini, RM98.058 bilion (50.4%) adalah untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang telah matang. Ini menunjukkan

Kerajaan bergantung kepada pinjaman baharu untuk membayar pinjaman matang; dan

- b. penggunaan dana Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM8.265 bilion bagi pelunasan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Komitmen Jaminan. Selain itu, sejumlah RM2.650 bilion digunakan untuk membayar perbelanjaan perkhidmatan sokongan hospital dan klinik di Kementerian Kesihatan Malaysia serta penyenggaraan fasiliti di Kementerian Pendidikan Malaysia yang sebelum ini dibayar menggunakan peruntukan belanja mengurus. Dana Kumpulan Wang Pembangunan yang dibiayai melalui pinjaman sepatutnya digunakan untuk membiayai projek pembangunan fizikal yang menyumbang kepada pembentukan modal baharu yang boleh meningkatkan pembangunan Negara serta mempunyai kesan pengganda yang tinggi untuk menjana aktiviti ekonomi.

4.1.2. Dalam perenggan **Hal-hal Lain**, KAN menarik perhatian bahawa Pihak Berkuasa Kewangan perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- a. memastikan polisi perakaunan mengenai premium dan diskaun daripada terbitan Sekuriti Hutang Kerajaan disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan; dan
- b. menetapkan kategori hasil bagi pengiktirafan premium dan polisi pindahan premium.

4.2. Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 adalah seperti berikut:

4.2.1. Kerajaan Persekutuan memperoleh hasil berjumlah RM225.075 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM39.340 bilion atau 14.9% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM264.415 bilion. Perbelanjaan mengurus berjumlah RM224.600 bilion, iaitu menurun sebanyak RM38.743 bilion atau 14.7% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM263.343 bilion.

4.2.2. Lebihan hasil berjumlah RM0.475 bilion, iaitu menurun sebanyak RM0.597 bilion atau 55.7% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM1.072 bilion. Lebihan ini telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Perbelanjaan pembangunan berjumlah RM51.360 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM2.813 bilion atau 5.2% berbanding RM54.173 bilion pada tahun 2019. Perbelanjaan COVID-19 adalah berjumlah RM38.019 bilion.

4.2.3. Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM87.645 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 6.2% (2019: RM51.370 bilion atau 3.4% kepada KDNK).

4.2.4. Hutang Persekutuan berjumlah RM879.560 bilion atau 62.1% kepada KDNK. Hutang Persekutuan meningkat sebanyak RM86.562 bilion atau 10.9% berbanding RM792.998 bilion atau 52.4% pada tahun 2019.

4.2.5. Had statutori Hutang Persekutuan telah dinaikkan daripada nisbah 55% kepada nisbah 60% kepada KDNK, berkuat kuasa mulai

26 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2022 berdasarkan peruntukan Akta 830. Had statutori Hutang Persekutuan ini melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia. Kedudukan ketiga-tiga instrumen hutang berkenaan pada tahun 2020 adalah RM820.018 bilion atau 57.9% kepada KDNK.

4.2.6. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah 83.8% pada tahun 2020. Secara keseluruhannya, kedudukan Liabiliti Persekutuan telah meningkat kepada RM1.187 trilion berbanding RM1.080 trilion pada tahun 2019, iaitu meningkat sebanyak RM107.275 bilion atau 9.9%. Liabiliti Persekutuan yang berjumlah RM1.187 trilion adalah jauh lebih tinggi berbanding kedudukan Aset yang dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum berjumlah RM139.614 bilion.

4.2.7. Aset Persekutuan yang berjumlah RM139.614 bilion terdiri daripada seperti berikut:

- a. Pelaburan Kerajaan Persekutuan dalam deposit, sekuriti dan pegangan saham syarikat atau badan berkanun atau agensi berjumlah RM33.191 bilion; dan
- b. Akaun Belum Terima Kerajaan Persekutuan berjumlah RM106.423 bilion yang terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai Akaun Belum Terima.

4.2.8. Liabiliti Persekutuan yang berjumlah RM1.187 trilion terdiri daripada Hutang Persekutuan RM879.560 bilion, Liabiliti PFI RM37.034 bilion, Komitmen Kewangan RM269.940 bilion dan Pelbagai Liabiliti RM0.278 bilion.

4.3. Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan

4.3.1. Pengauditan pematuhan melibatkan sejumlah RM899.44 juta telah dilaksanakan terhadap tiga kementerian dan lima jabatan Persekutuan yang meliputi aspek seperti berikut:

- a. Pengurusan **kontrak** melibatkan nilai kontrak berjumlah RM772.40 juta seperti berikut;
 - i. Bayaran Tuntutan Kos Penyenggaraan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan berjumlah RM499.18 juta di Majlis Keselamatan Negara;
 - ii. Kutipan Hasil Pas Lawatan Kerja Sementara Secara Dalam Talian Melalui Syarikat Perkhidmatan berjumlah RM227.94 juta di Jabatan Imigresen Malaysia;
 - iii. Kutipan Sewa Pejabat Pentadbiran Syarikat Konsesi dan Tapak Komersial di Lebuhraya Semenanjung Malaysia berjumlah RM37.43 juta di Kementerian Kerja Raya; dan
 - iv. Tuntutan Bayaran Balik Kos Pembaharuan Lesen Perisian Berkaitan Sistem MyResults berjumlah RM7.85 juta di Pejabat Belanjawan Negara.
- b. **Perolehan** Kerajaan berjumlah RM54.80 juta seperti berikut;
 - i. Bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari berjumlah RM28.99 juta di Istana Budaya; dan
 - ii. Sumbangan Bantuan Penyelenggaraan Kepada Sekolah Bantuan Kerajaan berjumlah RM25.81 juta di Kementerian Pendidikan Malaysia.

- c. Kutipan **Hasil** berjumlah RM72.24 juta pula adalah seperti berikut;
 - i. Taksiran Duti Kastam Bagi Kenderaan Import Baharu dan Terpakai berjumlah RM61.65 juta di Jabatan Kastam Diraja Malaysia; dan
 - ii. Hasil Sewa Tanah dan Bangunan berjumlah RM10.59 juta di Kementerian Pertahanan.

4.3.2. Ketidakpatuhan terhadap pengurusan kewangan telah menyebabkan berlaku isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran kepada Kerajaan berjumlah RM620.07 juta seperti berikut.

- a. **Pembayaran Tidak Teratur** berjumlah RM510.49 juta seperti berikut;
 - i. bayaran tuntutan perkhidmatan penyenggaraan tanpa pengesahan berjumlah RM499.18 juta di Majlis Keselamatan Negara;
 - ii. peralatan telah dibayar tetapi belum diterima berjumlah RM6.08 juta di Istana Budaya;
 - iii. tuntutan tidak wajar berjumlah RM4.30 juta di Pejabat Belanjawan Negara; dan
 - iv. bayaran kerja yang tidak dilaksanakan, tidak mengikut spesifikasi dan skop kerja tidak diluluskan berjumlah RM0.93 juta di Kementerian Pendidikan Malaysia.
- b. **Kerugian Wang Awam** berjumlah RM104.79 juta seperti berikut;
 - i. penalti belum tuntutan dan tidak dikenakan berjumlah RM81.69 juta di Jabatan Imigresen Malaysia;

- ii. sewa tidak dikutip berjumlah RM13.07 juta di Kementerian Kerja Raya (RM2.77 juta) dan Kementerian Pertahanan (RM10.30 juta);
 - iii. Duti Kastam terkurang pungut berjumlah RM5.92 juta di Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
 - iv. kutipan sewa tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan berjumlah RM2.75 juta di Kementerian Kerja Raya (RM2.57 juta) dan Kementerian Pertahanan (RM0.18 juta);
 - v. perbezaan harga perolehan dengan anggaran harga semasa berjumlah RM1.25 juta di Kementerian Pendidikan Malaysia; dan
 - vi. wang cagaran tidak dikutip berjumlah RM0.11 juta di Kementerian Pertahanan.
- c. **Pembaziran** melibatkan peralatan lewat diterima dan tidak dipasang berjumlah RM4.79 juta di Istana Budaya.
5. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil, Ketua Audit Negara telah mengemukakan 29 syor, iaitu empat syor untuk pengesahan penyata kewangan dan 25 syor untuk pengauditan pematuhan kementerian dan jabatan Persekutuan untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh kementerian dan jabatan.
 6. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.

7. LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 28 Oktober 2021 selepas jam 10.10 pagi.
8. Isu-isu dalam LKAN Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020 juga akan dimuat naik di Portal *Auditor General's Dashboard* (AGD) pada 28 Oktober 2021, mulai jam 11 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan ini bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara
Malaysia

28 Oktober 2021 M
21 Rabiulawal 1443 H